



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/03 – (9)

05 Zulhijjah 1422
18 Februari 2002

Pentadbir Tanah,
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah,
DUNGUN.

Pentadbir Tanah,
BESUT.

Pentadbir Tanah,
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
MARANG.

Pentadbir Tanah,
SETIU.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 2/2002

**PINDAAN KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH BERKATEGORI
PERTANIAN YANG DIUBAH SYARAT NYATA DI BAWAH SEKSYEN 124(1) (c) KTN.**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan mengenai pindaan kadar premium tambahan bagi tanah-tanah berkategori pertanian yang diubah syarat nyata di bawah seksyen 124(1)(c) KTN.

2. **LATARBELAKANG:**

Pindaan kadar premium tambahan bagi tanah-tanah berkategori pertanian yang diubah syarat nyata di bawah seksyen 124(1)(c) Kanun Tanah Negara telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri dalam mesyuaratnya Kali Ke 1/2001 pada 30 Ogos 2001 dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 2 Januari 2002 sebagaimana Lampiran 'A' berkembar.

3. **PEMANSUHAN:**

Pengeluaran arahan ini membatalkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 8/1994 dan Lampiran 'A' butir (f), (g) dan (h) kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 1/1998.


3. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa mulai 20 Februari 2002.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM “

Saya yang menurut perintah,



(DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu;
2. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian;
3. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian;
4. Pegawai Sistem Maklumat;
5. Pegawai Kanan Petempatan;
6. Semua Pegawai Eksekutif;
7. Ketua Pembantu Tadbir Pendaftaran PTG;
8. Pembantu Tadbir (Pembangunan Tanah) PTG,
9. Fail Timbul.

Mbm/C:ArahanPTG202

LAMPIRAN 'A'

Pindaan Syarat Nyata Seksyen 124 (1) (c) KTN	DARIPADA Kadar Premium Tambahan Yang Digunapakai Sekarang	KEPADA Kadar Premium Tambahan Baru Diluluskan
i. Tanaman Kekal kepada Tanaman Kekal;] i. Keluasan kurang] daripada 4 hektar] dikecualikan	i. Keluasan 4 hektar dan kurang daripadanya dikenakan premium
ii. Tanaman Musim kepada Tanaman Kekal;] premium tambahan]	tambahan RM100.00 sehektar atau Minima RM100.00
iii. Tanaman Kekal kepada Tanaman Musim;] ii. Keluasan lebih] daripada 4 hektar] dikenakan premium] tambahan] RM100.00 sehektar	ii. Keluasan lebih daripada 4 hektar dikenakan premium tambahan RM200.00 sehektar.
iv. Tanaman Kekal/Tanaman Musim kepada Ternakan;	-	3% daripada nilai harga tanah semasa.
v. Ternakan kepada Tanaman Kekal/Musim;	-	3% daripada nilai harga tanah semasa.
vi. Lain-lain.	-	3% daripada nilai harga tanah semasa.